

Syarikat Kapal Wap: Pencetus Pembangunan Ekonomi Bandar di Borneo Utara, 1883-1941

Mohamed Aliff Rosli¹

Manuskrip diterima: 23 Ogos 2017

Diterima untuk penerbitan: 4 Julai 2018

¹ Calon Sarjana di Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: mohdaliff1111@gmail.com.

Abstract

The progression of the steamship transportation gave effect to the economic development of major urban in North Borneo. The main mission of the British North Borneo Company (BNBC) was for the economic development in North Borneo from 1883 to 1941. The writings on the role of steamship companies in the economic development of major urban in North Borneo is somewhat lacking. Existing writings only touch on the contribution of steamship companies to the development of ports in North Borneo without explaining its role in the economic development of the urban. This paper explains in detail the role played by steamship companies on the economic development of major urban in North Borneo. It is hoped that this article could be used as a source of reference to study the history of North Borneo development in the field of shipping.

Keywords: Steamship, BNBC, Urban development, North Borneo

Abstrak

Perkembangan pengangkutan kapal wap telah memberi kesan kepada pembangunan ekonomi bandar utama di Borneo Utara. Misi utama kerajaan *British North Borneo Company* (BNBC) adalah untuk pembangunan ekonomi di Borneo Utara dari tahun 1883 hingga 1941. Penulisan mengenai peranan syarikat kapal wap dalam pembangunan ekonomi bandar utama di Borneo Utara adalah sangat kurang. Penulisan yang ada hanya menyentuh mengenai peranan syarikat kapal wap kepada kepesatan pelabuhan tanpa menerangkan peranannya kepada pembangunan ekonomi bandar utama di Borneo Utara. Makalah ini

menerangkan secara terperinci mengenai peranan yang dimainkan oleh syarikat kapal wap dalam pembangunan ekonomi bandar utama di Borneo Utara. Diharapkan makalah ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan untuk mengkaji sejarah pembangunan Borneo Utara dalam bidang perkapalan.

Kata Kunci: Kapal Wap, BNBC, Pembangunan bandar, Borneo Utara

Pengenalan

Kemasukan syarikat kapal wap dari Eropah telah mengubah persekitaran pembangunan ekonomi bandar utama di Borneo Utara pada sebelum tahun 1941. Perekonominian bandar utama di Borneo Utara berkembang pesat dengan kegiatan perkapalan yang banyak dijalankan di semua pelabuhannya. Malahan kegiatan perkapalan tersebut membawa kepada pembukaan ibu pejabat beberapa buah syarikat kapal wap di Sandakan yang terlibat secara langsung dengan kegiatan perkapalan di Borneo Utara. Antara syarikat kapal wap yang membuka ibu pejabat di Borneo Utara. Kebanyakan syarikat kapal wap yang membuka ibu pejabatnya di Borneo Utara berasal dari Eropah dan Hong Kong. Melainkan *Sabah Steamship Company* yang merupakan sebuah syarikat kapal wap tempatan. Terdapat syarikat kapal wap yang berpangkalan di Eropah dan Hong Kong juga beroperasi di Borneo Utara. Syarikat kapal wap yang tidak mempunyai pengkalan di Borneo Utara tersebut adalah salah satu pihak yang paling aktif dalam kegiatan perkapalan di rantau ini sehingga mengubah keadaan ekonomi bandar utama di Borneo Utara. Bandar utama yang dilengkapi dengan pelabuhan dengan pengurusan yang sistematik telah menarik perhatian para pemilik kapal wap dan syarikat kapal wap dari Eropah dan Hong Kong untuk membuka operasi mereka di Borneo Utara.

Malahan perubahan terhadap persekitaran ekonomi bandar utama di Borneo Utara, dibantu dengan lambakan hasil bahan mentah dan pembukaan estet, dan perlombongan yang diusahakan oleh kerajaan BNBC serta kegiatan syarikat perdagangan yang lain menyebabkan keperluan terhadap perkhidmatan kapal wap adalah mustahak untuk mengangkut hasil pertanian, perlombongan, pembalakan, dan hasil sampingan. Segala hasil tersebut akan dihantar ke setiap pelabuhan yang mempunyai kapal wap, iaitu melalui kontrak penghantaran dengan syarikat perdagangan yang terlibat dengan aktiviti pertanian dan

perlombongan di Borneo Utara. Kewujudan hubungan di antara aktiviti perkapalan dengan kegiatan ekonomi komersial di Borneo Utara memberi satu impak yang besar kepada perkembangan persekitaran ekonomi bandar utama.

Mewujudkan Aktiviti Eksport dan Import

Dengan kemasukan syarikat kapal wap secara besar-besaran telah membawa kepada perkembangan aktiviti perdagangan yang melibatkan aktiviti eksport dan import di setiap bandar utama di Borneo Utara. Dengan kekayaan sumber alam semulajadi yang terdapat di Borneo Utara, membolehkan kegiatan perdagangan berbentuk eksport dan import dapat dijalankan dalam skala yang besar bagi menjana pendapatan yang besar kepada BNBC yang memerintah Borneo Utara. Antara sumber komoditi semulajadi yang dimiliki oleh Borneo Utara seperti sagu, kayu balak, sarang burung, arang batu, emas, antimoni, petroleum, sumber hutan, hasil laut dan sebagainya membuka peluang yang besar kepada para pedagang dari Eropah, China dan tanah jajahan British yang lain untuk menjalankan kegiatan import dan eksport di Borneo Utara sehingga tahun 1941.¹

Sandakan menjadi pusat utama untuk syarikat kapal wap membuka ibu pejabat mereka bagi memudahkan pengurusan aktiviti perkapalan mereka di kawasan Borneo Utara dan kawasan luar yang terlibat di dalam aktiviti ekonomi import dan eksport yang melibatkan barang yang terdapat di Borneo Utara. Terdapat beberapa syarikat kapal wap dari luar dan dalam Borneo Utara yang membuka ibu pejabat mereka di bandar Sandakan bagi merancakkan lagi pertumbuhan aktiviti perdagangan import dan eksport di Borneo Utara. Antara syarikat kapal wap yang berpusat di Sandakan seperti *Butterfield & Swire Co., China Borneo Company, Messrs Mansfield Boogardt & Company, Behn Meyer & Co.* dan *Sabah Steamship Company*.² Malahan, terdapat juga syarikat kapal wap yang berpusat di luar Borneo Utara yang terlibat dengan aktiviti import dan eksport di Borneo Utara. Antara syarikat kapal wap tersebut seperti *Eastern Australian Steam Navigation Company, Adelaide Steamship Company, Oceanic Steamship Company, China Navigation Company, Straits Steamship Company, The Blue Funnel, Indo-China Steam*

¹ *Colony of North Borneo Annual Report*, 1900, hlm. 12.

² *British North Borneo Herald*, 1 Januari 1885, hlm. 4.

*Navigation, Bank Line, Koninklijke Paketvaart Maatschappij, Royal
Interocean Line, Swedish East Asia Line dan The Norddeustcher Lloyd.*³

Syarikat kapal wap tersebut mempercepatkan proses perkembangan aktiviti ekonomi di beberapa bandar utama di Borneo Utara dari segi aspek aktiviti import dan eksport. Kebanyakkan syarikat kapal wap yang terlibat dalam kegiatan perdagangan di Borneo Utara banyak menawarkan perkhidmatan pengangkutan barang kargo dari estet dan kawasan perlombongan yang terdapat di Borneo Utara yang dimiliki oleh kerajaan BNBC dan para pedagang dari Eropah serta saudagar China.⁴ Kewujudan perkhidmatan pengangkutan kapal kargo yang disediakan oleh syarikat kapal wap yang beroperasi di Borneo Utara mencetuskan perdagangan berbentuk import dan eksport di Borneo Utara. Misalnya, pada 1 Julai 1884, pihak *The Sungai Koyah Planting Company* mempunyai kapal *Dragon* kepunyaan *Indo-China Steam Navigation* untuk menghantar hasil tembakau sebanyak 300 tan dari estet syarikat tersebut di Kinabatangan untuk dieksport ke Belanda bagi memenuhi permintaan industri pembuatan cerut di Eropah.⁵ Selain itu, kapal wap kepunyaan *The Blue Funnel* iaitu *Cyclops* diberi kontrak yang bernilai 40 ribu pound oleh *British North Borneo Company* bagi membawa alatan mesin berat, seperti mesin pemotong kayu balak, enjin wap, jentera berat bagi kegunaan kerajaan BNBC untuk meneroka sumber ekonomi di Borneo Utara.⁶

Perkembangan aktiviti perdagangan di bandar utama, seperti Sandakan, Kudat, Jesselton, Tawau, Darvel Bay, Marudu Bay dan Labuan telah membolehkan setiap bandar tersebut memperolehi keuntungan yang berlipat ganda hasil daripada kegiatan import dan eksport yang dijalankan oleh syarikat kapal wap yang beroperasi di Borneo Utara sehingga tahun 1941. Setiap hasil yang terdapat di bandar utama adalah dieksport ke Eropah dan Asia. Ini telah meningkatkan lagi ekonomi

³ *British North Borneo Herald*, 2 Januari 1941, hlm. 6-8.

⁴ Paul H. Kratoska, *South East Asia, Colonial History: High Imperialism (1890s-1930s)*, United Kingdom: Taylor & Francis, 2001, hlm. 43.

⁵ *British North Borneo Herald*, 13 Ogos 1884, hlm. 335.

⁶ *British North Borneo Herald*, 22 Mac 1887, hlm. 124.

bandar tersebut. Misalnya, Sandakan, Kudat, Marudu Bay, Darvel Bay dan Tawau menjadi kawasan utama bagi tanaman tembakau di Borneo Utara.⁷ Bandar Jesselton pula menjadi tempat penanaman getah yang paling banyak.⁸ Seterusnya, Labuan pula menjadi pusat pengeluaran arang batu selain Silimpopon.⁹ Kekayaan hasil pertanian dan perlombongan yang terdapat di setiap bandar utama ditambah lagi dengan kemudahan pengangkutan kapal wap yang disediakan oleh syarikat kapal wap telah dapat meningkatkan aktiviti import dan eksport pada tahap yang memberangsangkan. Ini menjadikan Borneo Utara sebagai salah satu kawasan ekonomi utama di Asia Tenggara pada tempoh tahun 1983 hingga tahun 1941.

Beberapa hasil eksport Borneo Utara telah mencatatkan jumlah yang tinggi dalam tempoh masa tersebut. Misalnya, eksport sarang burung dari Gua Gomantong, Gua Kuamut dan Gua Magdalene mencecah jumlah sebanyak 125,000 dollar pada tahun 1926.¹⁰ China menjadi negara utama yang paling tinggi permintaannya terhadap sarang burung di Borneo Utara.¹¹ Manakala, eksport kayu balak juga mencatatkan jumlah yang memberangsangkan, iaitu pada tahun 1885, eksport kayu balak Borneo Utara bernilai 90 ribu Pound Sterling.¹² Peningkatan permintaan kayu balak dari Borneo Utara berlaku disebabkan kualiti yang tinggi, iaitu kayu bilian mendapat permintaan tinggi di Hong Kong, Eropah, Australia untuk industri pembuatan perabot.¹³ Manakala hasil perlombongan, seperti arang batu juga memberi hasil yang tinggi kepada

⁷ British North Borneo Company, *Handbook of British North Borneo*, London: W. Clowes, 1890, hlm. 55.

⁸ Milton Walter Meyer, *Southeast Asia: A Concise History*, Maryland: Rowman & Littlefield, 1997, hlm. 61.

⁹ British North Borneo Herald, 16 Februari 1890, hlm. 83.

¹⁰ British North Borneo Herald, 20 April 1926, hlm. 169.

¹¹ *Ibid.*

¹² British North Borneo Herald, 10 September 1894, hlm. 451.

¹³ *Ibid.*

kegiatan eksport Borneo Utara, iaitu pada tahun 1891, nilai eksport arang batu mencecah 3 juta Pound Sterling.¹⁴

Aktiviti import tenaga buruh dari China juga dijalankan di Borneo Utara, terutamanya oleh kerajaan BNBC untuk mengusahakan estet dan lombong dimilikinya. Misalnya, pada 25 Mei 1889, *The East Borneo Planting Company* menyewa kapal wap *Loong Mon* milik *Butterfield & Swire Co.* untuk membawa masuk 150 orang buruh Cina kepada estet tembakau dan kopi yang di Sandakan dan Darvel Bay.¹⁵ Di samping itu, senjata api dan alatan mesin untuk kegunaan kilang juga diimport dari Eropah ke Borneo Utara. Perkara ini dibuktikan dengan pihak kerajaan BNBC telah membelanjakan 10 ribu Pound Sterling untuk menyewa kapal wap *Bowen* milik *Eastern Australian Steam Navigation Company*. Kapal ini membawa senjata api dan alatan mesin dari United Kingdom bagi kegunaan kerajaan BNBC.¹⁶ Selain itu, hasil manila hemp juga menjadi salah satu komoditi eksport yang penting kepada Borneo Utara. Manila hemp yang terdapat di Borneo Utara mempunyai kualiti yang terbaik untuk dijadikan sebagai tali kapal. Misalnya, pada 12 Disember 1884, sebanyak 300 tan manila hemp dieksport dari pelabuhan Kudat ke Singapura dengan menggunakan kapal *S.S Banca*.¹⁷ Justeru, peranan syarikat kapal wap adalah sangat besar dalam peningkatan aktiviti eksport dan import Borneo Utara. Syarikat kapal wap menjadi komponen yang paling penting dalam memajukan kegiatan perdagangan di Borneo Utara semasa pentadbiran kerajaan BNBC pada tahun 1883-1941. Malahan, syarikat kapal wap juga menjadikan Borneo Utara sebagai sebuah pusat ekonomi yang terkemuka di dunia pada tempoh masa tersebut.

Perkembangan perkhidmatan kapal wap yang ditawarkan oleh syarikat kapal wap banyak membantu pertumbuhan aktiviti eksport dan

¹⁴ *British North Borneo Herald*, 15 Januari 1892, hlm. 38.

¹⁵ *British North Borneo Herald*, 23 Jun 1890, hlm. 245.

¹⁶ *British North Borneo Herald*, 19 Oktober 1886, hlm. 400.

¹⁷ *British North Borneo Herald*, 6 Januari 1885, hlm. 18.

import di Borneo Utara. Pertumbuhan aktiviti eksport dan import dapat ditunjukkan dalam Jadual 1 dalam nilai Pound Sterling.

Jadual 1: Eksport dan Import Borneo Utara, 1883-1941

Tahun	Eksport (Juta)	Import (Juta)
1883-1888	14.3	10
1888-1893	21.7	11
1893-1898	29.4	22
1898-1903	40.4	24
1903-1908	52.9	27
1908-1913	69.9	30
1913-1918	49.5	10
1918-1923	47.6	11
1923-1928	94.3	19
1928-1933	122.4	21
1933-1938	149.7	11
1938-1941	90.6	5
JUMLAH KESELURUHAN	420	201

Sumber: *British North Borneo Herald*, 15 Januari 1941, hlm. 15-30.

Memajukan aktiviti pertanian

Kerancakan aktiviti perkapalan dalam tempoh tahun 1883-1941 juga telah memberi kesan kepada kepesatan aktiviti pertanian di Borneo Utara. Aktiviti pertanian merupakan salah satu tunjang kegiatan ekonomi yang utama di Borneo Utara selain daripada kegiatan perlombongan dan perkapalan. Aktiviti pertanian menyumbang sebanyak 50 peratus kepada sumber pendapatan Borneo Utara. Dengan pembukaan ladang dalam skala yang besar untuk pelbagai tanaman menjadi komoditi eksport bagi Borneo Utara. Kebanyakan hasil pertanian yang diusahakan secara besar-besaran di Borneo Utara, seperti tanaman tembakau, getah, kopi, teh, lada hitam, dan sebagainya mendapat permintaan yang tinggi di Eropah kerana kualiti hasil pertanian berada pada tahap yang tinggi dan mampu menyaingi Sumatera, Pulau Jawa, dan Kalimantan yang merupakan tanah jajahan Belanda. Kuasa Belanda mempunyai banyak estet pada masa itu.¹⁸

Kemasukan syarikat kapal wap dalam jumlah yang besar telah menggalakkan pembukaan estet secara besar-besaran setiap bandar

¹⁸ *Handbook of British North Borneo*, 1890, hlm. 94.

utama di Borneo Utara. Dengan pengenalan tanaman komersial, seperti tembakau, getah, kopi, dan teh menyebabkan wujudnya hubungan di antara aktiviti pertanian dengan aktiviti perkapalan di Borneo Utara. Antara kawasan yang mempunyai ladang tanaman komersial, seperti Sandakan, Darvel Bay, Tawau, Kudat, dan Jesselton.¹⁹ Pihak kerajaan BNBC membuka ladang tembakau dalam skala yang besar di Borneo Utara. Misalnya, pada tahun 1890, terdapat 61 ladang tembakau dibuka di Borneo Utara, iaitu meliputi semua estet yang terdapat di bandar utama.²⁰ Malahan terdapat juga pihak syarikat swasta dan perseorangan yang membuka estet tanaman tembakau di beberapa bandar utama di Borneo Utara. Antaranya, seperti *The Sungei Koyah Planting Company*, *The China Borneo Company Limited*, *The East Borneo Planting Company*, *The British Borneo Trading & Planting Company Limited*, *German Borneo Company*, *Rotterdam Borneo Company*, *Marudu Bay Tobacco Company*, *Borneo Tobacco Company*, dan *The London Borneo Tobacco Company* bagi pihak syarikat swasta. Manakala, pihak perseorangan pula, seperti A. Van Citters, H. Buning, dan Heilgers.²¹

Kesemua pihak syarikat swasta dan persendirian memerlukan khidmat pengangkutan kapal wap jenis kargo bagi mengangkut segala hasil tanaman tembakau mereka ke pelabuhan utama Borneo Utara sebelum dieksport ke luar seperti Singapura, Eropah, Hong Kong, Australia dan sebagainya.²² Sebagai contoh kapal *S.S Paknam* membawa 350 tan hasil tembakau dari estet Sungai Kinabatangan kepunyaan *Borneo Tobacco Company* pada 12 Jun 1889 ke pelabuhan Sandakan.²³ Malahan, syarikat kapal wap seperti *China Navigation Company* dan *Adelaide Steamship Company* banyak mengambil kontrak penghantaran sumber bahan tembakau yang mempunyai nilai kontrak yang tinggi

¹⁹ Yong Leng Lee, *North Borneo (Sabah): A Study in Settlement Geography*, Washington: Eastern Universities Press, 1965, hlm. 67.

²⁰ Anwar Sullivan & Cecilia Leong, *Commemorative History of Sabah, 1881-1981*, Kota Kinabalu: Sabah State Government, 1981, hlm. 191.

²¹ *British North Borneo Herald*, 1 September 1889, hlm. 455.

²² *British North Borneo Herald*, 1 April 1889, hlm. 171.

²³ *British North Borneo Herald*, 10 Julai 1889, hlm. 284.

untuk setiap kali penghantaran dilakukan.²⁴ Nilai kontrak penghantaran tersebut mampu mencelik 9 sehingga 15 ribu Pound Sterling untuk satu perjalanan.²⁵

Kebanyakan kapal wap milik kedua-dua syarikat tersebut mampu melakukan penghantaran sebanyak lima kali dalam satu bulan.²⁶ Tambahan kapal wap mereka mampu membawa muatan kargo sehingga mencelik 500 tan.²⁷ Misalnya, pada 27 Oktober 1891 kapal *Victorian* milik *Adelaide Steamship Company* mampu membawa muatan sebanyak 600 tan hasil tembakau dari estet yang terletak di Darvel Bay untuk dihantar ke Singapura sebelum diedarkan ke Eropah.²⁸ Manakala, pada 25 Ogos 1892, kapal wap milik *China Navigation Company*, iaitu *S.S Alfred* membawa hasil tembakau seberat 489 tan dari estet Melapi ke pelabuhan Sandakan.²⁹

Selain itu, tanaman komersial lain yang ditanam di Borneo Utara ialah kopi. Kopi merupakan tanaman komersial yang paling awal diperkenalkan oleh kerajaan BNBC selepas tembakau. Kopi yang ditanam di Borneo Utara dikenali sebagai *Liberian Coffee*.³⁰ Kopi baka *Liberian* ini banyak diperolehi dari Afrika Tengah dan dibawa masuk oleh kerajaan BNBC dalam jumlah yang banyak pada peringkat awal, iaitu sebanyak 500 tan.³¹ Ladang kopi dibuka dalam skala yang besar di Tenom, Marudu Bay, Sungai Benkoka dan Kudat telah menjana pendapatan yang lumayan kepada para pengusaha tanaman kopi tersebut.³² Misalnya, pada tahun

²⁴ *British North Borneo Herald*, 2 Mac 1891, hlm. 133.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Ibid.*

²⁷ *Ibid.*

²⁸ *British North Borneo Herald*, 12 November 1891, hlm. 456.

²⁹ *British North Borneo Herald*, 24 September 1892, hlm. 369.

³⁰ *British North Borneo Herald*, 9 Mei 1883, hlm. 206.

³¹ *Ibid.*

³² *British North Borneo Herald*, 18 Disember 1884, hlm. 488.

1883 hingga 1884, tanaman kopi menyumbang nilai keuntungan sebanyak 11 juta Pound Sterling dalam tempoh dua tahun tersebut.³³ Antara pihak yang terlibat secara meluas dalam kegiatan penanaman kopi, seperti *Kudat Coffee Planting Company*, dan *J. Lennards Estates*.³⁴

Kemudiannya, setelah kejatuhan harga tanaman tembakau dan kopi, pihak kerajaan BNBC mengambil langkah baru dengan membuka satu lagi tanaman komersial bagi mengatasi masalah kejatuhan harga tanaman tembakau dan kopi yang terkena jangkitan kulat daun. Kerajaan BNBC memulakan penanaman getah pada tahun 1892 yang merupakan cubaan pertama syarikat ini untuk mewujudkan estet getah di Borneo Utara.³⁵ Kawasan pertama yang dibuka estet getah ialah di Bongaya, Sungai Labuk yang berkeluasan 75 ekar.³⁶ Seterusnya, estet getah semakin bertambah jumlahnya di Borneo Utara, terutamanya di bahagian pantai timur yang meliputi kawasan, seperti Tawau, Lahad Datu, dan Sandakan.³⁷ Malahan, kebanyakan aktiviti penanaman getah dikuasai oleh syarikat perdagangan Jepun, iaitu *The Nissan Group* yang banyak membawa tenaga buruh dari Jepun untuk bekerja di ladang getah syarikat ini di Borneo Utara.³⁸ Antara ladang getah yang dibuka oleh pihak Jepun, seperti *Tawau Rubber Estates*, dan *Kubota Estates*.³⁹

Menjelang tahun 1901 hingga 1939 dianggarkan sebanyak 96,037 ekar tanah yang di Borneo Utara ditanami dengan estet getah.⁴⁰ Pada tahun 1915, sebanyak 56 peratus tanah di Sandakan ditanami

³³ *British North Borneo Herald*, 15 Januari 1885, hlm. 20.

³⁴ *British North Borneo Herald*, 22 Februari 1886, hlm. 88.

³⁵ *British North Borneo Herald*, 14 April 1893, hlm. 166.

³⁶ *Ibid.*

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *British North Borneo Herald*, 8 September 1900, hlm. 365.

³⁹ *British North Borneo Herald*, 10 November 1901, hlm. 447.

⁴⁰ *British North Borneo Herald*, 1 Januari 1940, hlm. 34.

dengan getah.⁴¹ Getah sangat diperlukan dalam industri pembuatan tayar di Eropah dan Amerika Syarikat menyebabkan harga getah di Borneo Utara melambung tinggi kerana mendapat permintaan yang tinggi daripada pasaran dunia pada masa tersebut.⁴² Dengan wujudnya syarikat kapal wap di Borneo Utara telah meningkatkan lagi penanaman getah. Kapal wap jenis kargo banyak terdapat di pelabuhan kecil yang berhampiran dengan estet-estet getah di Borneo Utara. Misalnya, kapal *S.S Banca* pernah membawa hasil getah sebanyak 370 tan dari estet getah yang terletak di Sungai Labuk untuk dihantar ke Singapura pada 23 Mei 1893.⁴³ Di samping itu, kapal *St. Albans* kepunyaan *Eastern and Australian Steam Navigation Company* pernah mengangkut hasil getah sebanyak 400 tan dari pelabuhan Sandakan untuk dihantar ke Amerika Syarikat bagi memenuhi permintaan industri pembuatan tayar di sana.⁴⁴ Oleh itu, kemasukan syarikat kapal dalam jumlah yang besar ke Borneo Utara telah banyak membantu perkembangan persekitaran ekonomi beberapa bandar utama dari segi sektor pertanian yang sehingga menjadikan Borneo Utara sebagai sebuah jajahan yang kaya dengan hasil tanaman komersial di Asia Tenggara pada era pemerintahan BNBC.

Kepesatan Pembangunan Pelabuhan

Selain itu, kepesatan pembangunan pelabuhan yang berlaku di Borneo Utara juga merupakan salah satu sumbangan syarikat kapal wap dari tahun 1883 sehingga 1941. Kejayaan BNBC menguasai Borneo Utara menyebabkan segala aspek yang melibatkan persekitaran ekonomi telah berubah secara mendadak daripada persekitaran yang hanya menjalankan kegiatan ekonomi tradisional sara diri dan tidak bersifat komersial. Kerajaan BNBC melihat potensi ekonomi yang dimiliki oleh Borneo Utara dapat memberi pulangan yang lumayan. Oleh itu, bagi memajukan kegiatan ekonomi di Borneo Utara, kerajaan BNBC mencari alternatif untuk mengaut segala hasil bumi yang dimiliki Borneo Utara supaya dapat menjana pendapatan yang tinggi, terutamanya kepada kewangannya.

⁴¹ *Ibid.*

⁴² *British North Borneo Herald*, 23 Mei 1909, hlm. 210.

⁴³ *British North Borneo Herald*, 3 Jun 1893, hlm. 244.

⁴⁴ *British North Borneo Herald*, 23 November 1908, hlm. 444.

Dengan pelbagai kegiatan ekonomi yang diperkenalkan oleh pihak BNBC termasuk sektor peladangan, perlombongan dan perdagangan maritim, yang membawa kepada kepesatan pembangunan pelabuhan di Borneo Utara. Hasil bumi Borneo Utara yang diekstrak oleh BNBC untuk memenuhi permintaan perindustrian di Eropah ialah seperti arang batu, emas, kayu balak, manila hemp, sagu, hasil hutan dan hasil laut dalam jumlah yang besar sehingga mencecah lebih daripada 500 tan bagi setiapnya.⁴⁵ Tambahan lagi hasil daripada tanaman komersial juga menjadi penyumbang yang besar kepada persekitaran ekonomi bandar utama di Borneo Utara. Hasil tanaman komersial, seperti kopi, tembakau, getah dan teh juga menyumbang sebanyak 60 peratus kepada pendapatan BNBC tahun 1883 hingga 1941.⁴⁶

Justeru, dengan perkembangan aktiviti ekonomi komersial dan pengekstrakan hasil bumi yang dijalankan dalam skala yang besar memerlukan satu tempat yang strategik, supaya segala hasil bumi sama ada yang mentah atau yang sudah siap diproses dapat dieksport. Bahkan hasil import telah dapat dihantar ke semua kawasan di Borneo Utara, terutamanya yang mempunyai permintaan tinggi yakni semua bandar utama. Malahan, kekayaan sumber bahan mentah di Borneo Utara juga menggalakkan kemasukan syarikat kapal wap dalam jumlah yang besar. Dengan kewujudan syarikat kapal wap di Borneo Utara membawa kepada kepesatan pembangunan pelabuhan di bandar utama. Pihak kerajaan BNBC mengambil langkah proaktif dengan membelanjakan sebanyak 8 juta Pound Sterling bagi kerja menaiktarafkan setiap pelabuhan di Borneo Utara.⁴⁷

Pelabuhan di bandar utama, seperti Sandakan, Kudat, Darvel Bay, Marudu Bay, Labuan, Tawau dan Jesselton dibangunkan dan dinaiktaraf dengan kelengkapan infrastruktur yang mencukupi. Misalnya, tempat membaiki dan menyelenggara kapal wap yang datang berlabuh di Borneo Utara.⁴⁸ Di samping itu, disediakan juga gudang untuk

⁴⁵ Nigel Heyward, *Sarawak, Brunei & North Borneo*, Cambridge: Cambridge University Press, 1963, hlm. 18.

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ *British North Borneo Herald*, 16 Mei 1885, hlm. 205.

⁴⁸ *Ibid.*

menyimpan barang dagangan yang dibawa oleh kapal wap yang datang berdagang ke Borneo Utara atau hanya singgah sekejap sementara menunggu keadaan cuaca kembali pulih semula daripada ribut dan hujan yang lebat sebelum memulakan perjalanan semula ke destinasi yang ingin dituju.⁴⁹ Malahan, setiap pelabuhan utama di beberapa bandar utama tersebut menyediakan bekalan air bersih dan penginapan kepada nakhoda dan anak kapal yang berlabuh.⁵⁰

Pelabuhan di bandar utama memainkan peranan yang penting dalam menjadi pusat pengumpulan hasil daripada kawasan estet dan perlombongan yang terdapat di Borneo Utara. Selain itu, dengan kerancakan perjalanan aktiviti ekonomi menyebabkan terdapat beberapa syarikat kapal wap yang menjadikan Borneo Utara sebagai pusat utama bagi pengurusan aktiviti perkапalan mereka beberapa bandar utama dengan kawasan luar. Misalnya, syarikat *Behn Meyer & Co.* yang merupakan syarikat kapal wap yang berasal dari Jerman yang membuka pusat operasinya di pelabuhan Sandakan. Ini dapat melancarkan aktiviti perkапalan syarikat tersebut di Borneo Utara. Sebanyak 11 buah kapal wap milik *Behn Meyer & Co.* yang beroperasi di setiap pelabuhan atau bandar utama di Borneo Utara.⁵¹

Tambahan lagi, syarikat kapal wap tempatan, iaitu *Sabah Steamship Company* juga menunjukkan potensi yang memberangsangkan dalam aktiviti perkапalan di Borneo Utara. Syarikat kapal wap tempatan ini membuka pusat operasinya di Sandakan dan memiliki 50 buah kapal wap yang beroperasi sama ada di dalam atau luar Borneo Utara.⁵² Kerancakan aktiviti perkапalan yang dijalankan oleh setiap syarikat kapal wap di bandar utama menyebabkan kepesatan pembangunan pelabuhan di Borneo Utara. Di samping itu, setiap pelabuhan di Borneo Utara mencatatkan jumlah hasil pendapatan yang tinggi daripada

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ Joseph Norbert, *Engines of Empire: Steam Shipping and State Formation in Colonial Southeast Asia*, United Kingdom: Routledge, 2002, hlm. 77.

⁵² *British North Borneo Herald*, 28 Julai 1895, hlm. 288.

kegiatan perkапalan. Jumlah pendapatan pelabuhan di bandar utama dari tahun 1883 hingga 1941 dapat dijelaskan melalui Jadual 2 dalam nilai Pound Sterling.

Jadual 2: Jumlah Pendapatan Pelabuhan, 1883-1941

Pelabuhan Utama di Borneo Utara	Pendapatan (Juta)
Sandakan	130
Kudat	90
Darvel Bay	98
Labuan	100
Marudu Bay	83
Tawau	110
Jesselton	140
Jumlah Keseluruhan	751

Sumber: *British North Borneo Herald*, 3 Januari 1941, hlm. 10-15.

Berdasarkan jadual di atas, menerangkan secara terperinci mengenai pendapatan yang diperolehi oleh setiap pelabuhan di Borneo Utara dari tahun 1883 sehingga 1941. Pelabuhan yang mencatatkan pendapatan yang paling tinggi dalam tempoh masa selama 58 tahun ialah Jesselton, iaitu mencatatkan pendapatan berjumlah 140 juta Pound Sterling. Ini diikuti oleh pelabuhan Sandakan dengan mengumpul jumlah keuntungan sebanyak 130 juta Pound Sterling. Seterusnya, sebanyak 110 juta Pound Sterling dapat dijana oleh pelabuhan Tawau daripada aktiviti perdagangan dan perkапalan. Manakala pelabuhan Labuan mencatat keuntungan 100 juta Pound Sterling pada sepanjang 58 tahun beroperasi di bawah kerajaan BNBC. Selain itu, pelabuhan Kudat dapat menjana pendapatan sebanyak 90 juta Pound Sterling dalam tempoh 58 tahun. Pelabuhan Darvel Bay dapat mencapai hasil pendapatan sebanyak 98 juta Pound Sterling. Tambahan lagi, pelabuhan Marudu Bay mencatatkan pendapatan yang paling rendah, iaitu sebanyak 83 juta Pound Sterling.⁵³

Pendapatan setiap pelabuhan di bandar utama telah mempengaruhi perkembangan aktiviti perkапalan di Borneo Utara. Kemasukan kapal wap adalah berskala besar sehingga menggalakkan

⁵³ *British North Borneo Herald*, 3 Januari 1941, hlm. 10-15.

kepesatan pembangunan pelabuhan di bandar utama. Misalnya, pada tahun 1883 sebanyak 100 buah kapal wap yang beroperasi di Labuan.⁵⁴ Jumlah kapal wap yang besar masuk di pelabuhan Labuan disebabkan infrastruktur yang lengkap dan mencukupi bagi memudahkan operasi perkапalan.⁵⁵ Selain itu, berkembangnya industri perlombongan arang batu di Labuan juga menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi di bandar Labuan. Justeru Labuan mencapai tahap salah satu bandar utama di Borneo Utara pada tahun 1883 sehingga 1941.

Manakala di bandar Sandakan, terdapat sebanyak 110 buah kapal wap yang beroperasi di pelabuhannya.⁵⁶ Pelabuhan Sandakan merupakan pelabuhan yang terawal di bawah pemerintahan BNBC. Pelabuhan Sandakan menjadi tumpuan utama operasi kapal wap di Borneo Utara disebabkan kedudukan yang strategik dan mempunyai tempat penyelenggaraan yang mampu menampung kemasukan kapal wap dalam jumlah yang besar.⁵⁷ Malahan Sandakan juga menjadi tempat utama bagi syarikat kapal wap dari Eropah membuka ibu pejabat masing-masing supaya segala aktiviti perdagangan dan perkапalan dapat berjalan dengan lancar. Selain itu, perkembangan aktiviti pertanian dengan pembukaan estet tembakau dan getah secara besar-besaran di Sandakan juga telah menggalakkan perkembangan perkembangan ekonomi di bandar Sandakan.

Seterusnya, bandart Tawau dan bandar Jesselton muncul sebagai bandar yang penting dengan sumber pendapatan yang tinggi daripada aktiviti syarikat kapal wap tempatan, iaitu *Sabah Steamship Company* dan syarikat kapal wap dari Eropah. Bandar Tawau mempunyai sumber kayu balak yang bermutu tinggi dengan kuantiti yang banyak telah menarik minat syarikat kapal wap untuk beroperasi di pelabuhannya, terutamanya mendapatkan kontrak penghantaran kayu balak yang tinggi nilainya. Manakala bandar Jesselton pula menjadi tumpuan di kawasan

⁵⁴ *British North Borneo Herald*, 24 Januari 1884, hlm. 28.

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ *British North Borneo Herald*, 12 Disember 1885, hlm. 489.

⁵⁷ *Ibid.*

tengah Borneo Utara, yang menjadi paling maju di bawah pentadbiran BNBC. Misalnya, dianggarkan 150 buah kapal wap yang beroperasi di Jesselton menjelang tahun 1900. Jumlah ini merupakan rekod pencapaian tertinggi di Borneo Utara. Justeru, peranan yang dimainkan oleh syarikat kapal wap adalah amat penting dalam membangunkan dan memajukan lagi pelabuhan di bandar utama. Ini memberi perubahan besar kepada ekonomi bandar utama di Borneo Utara selama 58 tahun.⁵⁸

Wujudnya Sistem Kewangan dan Insuran

Dalam tempoh tahun 1883 hingga 1941, kepesatan aktiviti perkапalan di Borneo Utara menyebabkan kerajaan BNBC perlu mencipta satu sistem kewangan yang dapat melancarkan sistem pengutipan cukai di pelabuhan dan bandar utama. Kerajaan BNBC mengambil langkah dengan memperkenalkan sistem kewangan Borneo Utara berasaskan duit syiling.⁵⁹ Pada peringkat awal pengenalan sistem ini, BNBC hanya mengeluarkan duit syiling tembaga yang bernilai setengah sen dan satu sen pada tahun 1885.⁶⁰ Kemudian diperkenalkan duit syiling nikel dengan nilai satu sen, dua setengah sen, dan lima sen. Seterusnya, penciptaan wang syiling perak untuk mengukuhkan lagi sistem kewangan BNBC di Borneo Utara. Wang syiling perak yang pertama telah dikeluarkan pada tahun 1920, iaitu bernilai 25 sen.⁶¹

Penggunaan wang syiling ini telah banyak membantu dalam pembangunan ekonomi bandar utama di Borneo Utara. Penghasilan wang syiling tersebut kemudiannya dikembangkan kepada penciptaan wang kertas bagi memberi kemudahan kepada syarikat kapal wap yang membuka operasi mereka di Borneo Utara. Pihak BNBC membuat pembaharuan ke atas sistem kewangan di Borneo Utara dengan memperkenalkan wang kertas yang dikenali sebagai *British North Borneo Dollar*. Wang kertas tersebut mempunyai beberapa nilai, seperti

⁵⁸ William Lawson, *Shipping Business in British Empire*, Cambridge: Cambridge University Press, 1991, hlm. 44.

⁵⁹ *British North Borneo Herald*, 7 Ogos 1885, hlm. 326.

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ *British North Borneo Herald*, 11 Oktober 1920, hlm. 402.

25 sen, 50 sen, 1\$, 5\$, 10\$, dan 25\$.⁶² Pengenalan wang kertas ini bertujuan menggantikan penggunaan wang syiling yang mempunyai beberapa kekurangan, seperti menjadi berat apabila dalam keadaan kuantiti yang banyak. Perkara ini menyukarkan kepada para pedagang dan pengusaha kapal wap yang perlu membayar cukai pelabuhan setiap kali berlabuh di Borneo Utara. Malahan, risiko untuk dirompak oleh lanun yang terdapat di perairan Borneo Utara juga tinggi. Oleh itu, penggunaan wang kertas yang dihasilkan oleh pihak perbendaharaan BNBC dapat mengatasi masalah berikut. Selain itu, penggunaan wang kertas tersebut memudahkan syarikat kapal wap untuk menjalankan urusniaga di Borneo Utara.

Di samping itu, pengenalan wang kertas juga menjadikan persekitaran ekonomi bandar utama di Borneo Utara berdaya saing dan mampu bersaing dengan pelabuhan di tanah jajahan lain serta pelabuhan di Eropah pada masa itu. Tambahan lagi, dengan perkembangan aktiviti perkapalan yang semakin pesat di Borneo Utara juga membawa kepada pembukaan institusi kewangan, seperti bank. Pembukaan bank di Borneo Utara telah memberi impak yang besar kepada pembangunan ekonomi pelabuhan dan bandar utama. Terdapat dua bank utama yang berkembang di Borneo Utara pada masa itu, iaitu *Chartered Bank*, dan *Hong Kong & Shanghai Banking Corp.*⁶³ Kewujudan kedua-dua bank tersebut telah merancakkan lagi perkembangan sistem kewangan di Borneo Utara, terutamanya memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu mengembangkan lagi aktiviti perkapalan dan ekonomi bandar utama.

Bank dan syarikat kapal wap berfungsi sebagai satu komponen yang penting dalam merubah persekitaran ekonomi bandar utama di Borneo Utara. Bank berfungsi sebagai tempat untuk penyimpanan aset bagi pemilik syarikat kapal wap yang berperasi di Borneo Utara. Segala keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti perkapalan akan disalurkan kepada bank bagi disimpan untuk dana syarikat kapal wap dan memudahkan pembayaran cukai perkapalan dilakukan. Bank juga

⁶² Chin Cheung Chan, *Paper Currencies of the Straits Settlements, Malaya, British North Borneo, Sarawak and Brunei*, Singapura: Taisei Stamps & Coins, 1991, hlm. 67.

⁶³ David Sunderland, *British Economic Development in South East Asia, 1880–1939*, Volume 3, United Kingdom: Routledge, 2017, hlm. 341.

dapat memberi pinjaman modal kepada pemilik kapal wap jika menghadapi masalah modal dan ingin menambah bilangan kapal wap mereka untuk meluaskan operasi di Borneo Utara. Selain itu, bank juga mempunyai peranan dalam memperkembangkan pasaran saham syarikat kapal wap yang beroperasi di Borneo Utara. Pihak bank akan menyenaraikan saham syarikat kapal wap yang paling aktif beroperasi di Borneo Utara.

Perkara ini dilakukan bagi menarik minat para pelabur dari Eropah dan China untuk melabur secara besar-besaran dalam saham sesebuah syarikat kapal wap yang aktif beroperasi dan mempunyai potensi untuk memberi pulangan yang lumayan. Misalnya, syarikat kapal wap yang mempunyai nilai saham yang tinggi di Borneo Utara ialah *Eastern and Australian Steam Navigation Company*, *China Navigation Company*, *Sabah Steamship Company*, *Behn Meyer & Company*, dan *The Blue Funnel Line* dan *Butterfield & Swire Co.* Setiap syarikat ini mempunyai pegangan saham di Borneo Utara sebanyak 60 peratus.⁶⁴ Syarikat kapal wap tersebut menjadi pilihan utama kepada pelaburan yang besar kerana yakin dengan kedudukan ekonomi sesebuah syarikat kapal wap tersebut. Pada tahun 1890, seramai 50 orang pelabur telah melabur dalam saham *China Navigation Company*, iaitu sebuah syarikat kapal wap dari Hong Kong. Syarikat kapal wap tersebut mampu menjana keuntungan sebanyak 9 juta Poun Sterling pada setiap tahun. Ini telah menggalakkan ramai pelabur dari Eropah dan Hong kong melabur dalam sektor perkapalan di Borneo Utara.⁶⁵

Selain kewujudan institusi kewangan, kemasukan syarikat kapal wap juga membawa kepada pengenalan perkhidmatan insuran bagi membantu mengatasi masalah sebarang kemalangan ketika beroperasi sama ada dalam dan luar Borneo Utara. Kebanyakan syarikat insuran di Borneo Utara menawarkan insuran keselamatan untuk kemalangan yang melibatkan kebakaran, pelanggaran terumbu karang, kerosakan enjin kapal wap sama ada pada ketika beroperasi atau dirompak.⁶⁶

⁶⁴ *British North Borneo Herald*, 1 Januari 1908, hlm. 25.

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ *British North Borneo Herald*, 14 Disember 1910, hlm. 491.

Oleh itu, perkhidmatan insuran yang ditawarkan oleh syarikat insuran memberi keyakinan kepada para pengusaha perkhidmatan kapal wap di Borneo Utara untuk beroperasi secara bebas dan selamat. Antara syarikat insuran di Borneo Utara ialah *The Straits Fire Insurance Company*, *The China Fire Insurance Company*, *New York Life Insurance Company*, *The China-Traders Insurance Company*, dan *The Union Insurance Society of Canton*.⁶⁷ Kesemua syarikat insuran tersebut melindungi aktiviti perkапalan daripada sebarang kemalangan yang berlaku di pelabuhan, seperti Sandakan, Kudat, Labuan, Tawau, Darvel Bay, dan Jesselton.⁶⁸ Peranan yang dimainkan oleh syarikat kapal wap telah meningkatkan pembangunan sistem kewangan dan insuran di Borneo Utara. Ini secara langsung memberi impak yang besar kepada pembangunan ekonomi bandar utama di Borneo Utara. Beberapa bandar utama di Borneo Utara telah diiktiraf sebagai pusat perdagangan dan perkапalan di Asia Tenggara pada tempoh tahun 1883-1941.

Kepesatan Aktiviti Perlombongan

Perkembangan aktiviti syarikat kapal wap juga menyumbang aktiviti perlombongan di sekitar bandar utama di Borneo Utara. Penguasaan BNBC menyebabkan segala hasil bahan galian diterokai bagi menjana ekonomi Borneo Utara supaya dapat memberi pulangan yang lumayan kepada pendapatan BNBC. Kekayaan sumber bahan galian di Borneo Utara, seperti arang batu, emas, petroleum dan antimoni telah menggalakkan kemasukan syarikat kapal wap untuk beroperasi dalam skala yang besar. Mereka yakin terhadap sumber bahan galian di Borneo Utara dapat memberi pulangan lumayan, terutamanya kepada syarikat kapal wap yang memberi perkhidmatan kapal kargo untuk dieksport.

Penemuan bahan galian yang bernilai tinggi membuka peluang telah kepada aktiviti perlombongan dan perkапalan secara meluas sehingga mencetuskan perubahan dan pembangunan ekonomi bandar utama di Borneo Utara. Bahan galian, seperti emas yang ditemui oleh pihak BNBC pada tahun 1885 di Sungai Segama membawa kepada proses pengekstrakan sumber galian tersebut dijalankan secara meluas. Terdapat beberapa syarikat perlombongan yang memainkan peranan yang penting dalam proses penerokaan sumber emas tersebut di Borneo

⁶⁷ British North Borneo Herald, 20 Jun 1911, hlm. 244.

⁶⁸ Ibid.

Utara. Antaranya, seperti *British North Borneo Gold Company*, *Segama Gold Company*, *British Borneo Syndicate*, *British Borneo Gold Mining Syndicate* dan *British Borneo Exploration Company*.⁶⁹ Usaha yang dijalankan oleh syarikat tersebut telah merancakkan lagi aktiviti perlombongan emas di Borneo Utara. Malahan *British Borneo Gold Mining Syndicate* telah menyewa kapal wap *Ajax* milik syarikat *The Blue Funnel* untuk membawa buruh dari China seramai 150 orang ke Sungai Segama dan mereka mula mengerjakan kawasan perlombongan milik syarikat tersebut pada 1 September 1885.⁷⁰ Menjelang tahun 1886, dianggarkan seramai 400 orang Cina terlibat dalam aktiviti perlombongan di Sungai Segama.⁷¹

Penemuan arang batu juga menambahkan lagi kerancakan aktiviti perkапalan dan perkembangan ekonomi bandar utama di Borneo Utara. Penemuan arang batu di kawasan seperti Sandakan, Labuan dan Silimpopon telah memberi hasil yang banyak di Borneo Utara.⁷² Syarikat perlombongan yang terlibat secara besar-besaran dalam kegiatan perlombongan arang batu ini ialah *Cowie Harbour Coal Company*.⁷³ Syarikat perlombongan ini ditubuhkan pada tahun 1905 dan beroperasi sehingga 1930.⁷⁴ Kawasan utama operasi *Cowie Harbour Coal Company* terletak di Silimpopon.⁷⁵ Silimpopon menjadi pengeluar arang batu terbesar di dunia pada masa itu, yakni menjadi tumpuan utama kepada kegiatan syarikat perlombongan tersebut.⁷⁶

⁶⁹ Leigh R. Wright, *The Origins of British Borneo*, Hong Kong: Hong Kong University Press, 1998, hlm. 45.

⁷⁰ *British North Borneo Herald*, 15 Oktober 1885, hlm. 410.

⁷¹ *British North Borneo Herald*, 1 Januari 1887, hlm. 22.

⁷² *British North Borneo Herald*, 6 Februari 1906, hlm. 166.

⁷³ *Ibid.*

⁷⁴ *British North Borneo Herald*, 13 Mac 1906, hlm. 166.

⁷⁵ *British North Borneo Herald*, 9 Mei 1907, hlm. 209.

⁷⁶ *Ibid.*

Hasil pengeluaran arang batu yang dihasilkan dalam tempoh 12 tahun ialah mencecah jumlah sebanyak 60 ribu tan.⁷⁷ Dengan peningkatan hasil arang batu tersebut menyebabkan perkhidmatan kapal wap jenis kargo diperlukan bagi mengangkut hasil arang batu ke pelabuhan di Borneo Utara sebelum dieksport ke luar ataupun untuk kegunaan bahan bakar bagi kapal wap. Misalnya, kapal wap *S.S Borneo* berisi kargo arang batu seberat 400 tan dari Silimpopon untuk ke Singapura pada 23 Mei 1906.⁷⁸ Walau bagaimanapun, pengeluaran hasil arang batu menurun pada tahun 1919, iaitu mengalami kekurangan sebanyak 54 ribu tan.⁷⁹ Pada tahun 1930, perlombongan arang batu dihentikan kerana penemuan minyak petroleum untuk menggantikan arang batu sebagai sumber bahan bakar bagi kapal wap yang beroperasi di Borneo Utara.

Penemuan petroleum oleh BNBC pada tahun 1930 turur merancakkan lagi ekonomi bandar utama di Borneo Utara. Penemuan minyak petroleum telah mengantikan penggunaan arang batu sebagai bahan bakar kapal wap. Antara syarikat yang terlibat dalam perlombongan petroleum, seperti *British Borneo Petroleum Syndicate*, *Kuhara Mining Company*, dan *Anglo Saxon Company*. Perkembangan aktiviti perlombongan petroleum juga telah menggalakkan lagi aktiviti perkapalan dijalankan secara meluas di Borneo Utara.⁸⁰ Petroleum menjadi sumber dagangan yang penting di Borneo Utara sehingga tahun 1941.

Peningkatan Aktiviti Pembalakan

Selain daripada perkembangan aktiviti pertanian dan perlombongan, aktiviti pembalakan juga memainkan peranan penting yang membantu proses peningkatan pembangunan bandar utama di Borneo Utara. Pihak BNBC melihat sumber hutan yang sangat banyak di Borneo Utara dapat memenuhi permintaan yang tinggi di pasaran Eropah dan Hong Kong. Salah satu hasil hutan yang paling mendapat permintaan yang tinggi

⁷⁷ *British North Borneo Herald*, 24 Februari 1930, hlm. 93.

⁷⁸ *British North Borneo Herald*, 15 Jun 1906, hlm. 203.

⁷⁹ *British North Borneo Herald*, 22 Januari 1931, hlm. 33.

⁸⁰ Charles Strachan Hutchison, *Geology of North-west Borneo: Sarawak, Brunei and Sabah*, Amsterdam: Elsevier, 2005, hlm. 77.

ialah kayu balak. Kayu balak amat diperlukan dalam industri penghasilan perabot dan untuk pembinaan landasan kereta api di Hong Kong.⁸¹ Kemasukan syarikat kapal wap dalam skala yang besar di Borneo Utara telah membantu merancakkan lagi aktiviti pembalakan di Borneo Utara.

Pada peringkat awal, aktiviti pembalakan di Borneo Utara lebih diusahakan oleh syarikat pertanian. Syarikat pertanian menjalankan kegiatan penebangan kayu balak sebagai sumber pendapatan tambahan. Kayu balak menjadi komoditi yang paling tinggi permintaannya di pasaran pada masa itu. Justeru pihak BNBC menggalakkan aktiviti penebangan kayu balak oleh setiap syarikat pertanian yang beroperasi di Borneo Utara. Tambahan BNBC mendapat pulangan yang besar melalui kutipan cukai hasil kayu balak dan juga cukai ke atas kapal wap yang membawa kargo kayu balak tersebut. Pada tahun 1886, kegiatan pembalakan semakin giat dijalankan di Borneo Utara oleh beberapa syarikat pertanian dari Eropah dan China. Antara syarikat tersebut, seperti *Koh Heen Co.*, *Chop Kong Watt Co.*, *The North Borneo Trading Company*, *E.E Abrahamson and Company*, dan *Mclean Company*.⁸² Menjelang tahun 1888, Borneo Utara diiktiraf sebagai pengeksport kayu balak Belian utama ke China, iaitu bagi memenuhi permintaan industri pembuatan perabot dan pembinaan kapal wap. Syarikat pertanian yang memainkan peranan yang besar dalam kegiatan pengeksportan kayu balak Belian ialah *British Borneo Trading and Planting Company*.⁸³ Dengan perkembangan aktiviti pembalakan menyebabkan peningkatan secara mendadak industri perkapalan di Borneo Utara. Kebanyakan syarikat kapal wap mengambil kontrak penghantaran kayu balak dengan syarikat pertanian tersebut. Misalnya, pada 13 Julai 1887, *E.E Abrahamson and Company* menandatangani kontrak penghantaran kayu balak dengan *China Navigation Company*. Melalui perjanjian tersebut pihak *China Navigation Company* perlu menyediakan kapal wap untuk mengangkut hasil kayu balak kepunyaan *E.E Abrahamson and Company* dari pelabuhan di kawasan pantai timur Borneo Utara ke Hong Kong.

⁸¹ *British North Borneo Herald*, 15 Februari 1886, hlm. 83.

⁸² Michael L. Ross, *Timber Booms and Institutional Breakdown in Southeast Asia*, Cambridge: Cambridge University Press, 2001, hlm. 95.

⁸³ *Ibid.*

Kontrak tersebut bernilai 9 ribu Pound Sterling sebulan.⁸⁴ Setelah perjanjian tersebut dimeterai, kapal wap *Taiyuan* membawa 300 tan kargo kayu balak dari pelabuhan Sandakan ke Hong Kong pada 1 Ogos 1887.⁸⁵ Manakala kapal wap *Ban Watt Hin* digunakan membawa hasil kayu balak dan tembakau sebanyak 350 tan dari Darvel Bay ke Hong Kong pada 15 Januari 1888.⁸⁶ Antara syarikat kapal wap lain yang terlibat dengan kontrak penghantaran kayu balak, seperti *Butterfield & Swire Co.*, *Messrs Mansfield Boogardt and Company*, *Behn Meyer & Co.*, *Sabah Steamship Company*, *The Blue Funnel, Eastern and Australian Steam Navigation Company*, *Indo China Steam Navigation*, dan *Koninklijke Paketvaart Maatschappij*.⁸⁷

Pihak BNBC memperoleh keuntungan daripada eksport kayu balak yang bernilai \$44,584 pada tahun 1890.⁸⁸ Kemudiannya, hasil eksport kayu balak terus meningkat sebanyak empat kali ganda. Pada tahun 1900, eksport kayu balak mencecah \$374,911.⁸⁹ Seterusnya, pada tahun 1910, hasil kayu balak sebanyak 1,218,967 kaki persegi yang bernilai \$642,935 telah dieksport keluar dari Borneo Utara ke Hong Kong dan Eropah.⁹⁰ Perkembangan aktiviti pembalakan yang memberangsang ini membolehkan kerajaan BNBC memperolehi keuntungan daripada cukai. Kadar cukai yang dikenakan, seperti setiap 50 kaki panjang dengan bayaran cukai sebanyak 50 sen yang diambil daripada tanah persendirian.⁹¹ Pihak BNBC juga mengenakan 25 sen

⁸⁴ *British North Borneo Herald*, 3 Ogos 1887, hlm. 333.

⁸⁵ *British North Borneo Herald*, 1 September 1887, hlm. 365.

⁸⁶ *British North Borneo Herald*, 1 Februari 1888, hlm. 81.

⁸⁷ *British North Borneo Herald*, 24 Mac 1889, hlm. 122.

⁸⁸ Michael L. Ross, *op.cit.*, hlm. 96.

⁸⁹ *Ibid.*

⁹⁰ *British North Borneo Herald*, 15 Mei 1910, hlm. 205.

⁹¹ *British North Borneo Herald*, 13 April 1911, hlm. 168.

sekar bagi setiap tahun bagi pihak yang menjalankan kegiatan pembalakan di tanah milik kerajaan BNBC.⁹²

Sebelum Perang Dunia Pertama, dianggarkan Borneo Utara mempunyai 500 ribu ekar tanah untuk kegiatan pembalakan.⁹³ Namun hasil eksport kayu balak merosot menjelang meletus Perang Dunia Pertama (1914-1918) sehingga menyebabkan aktiviti pembalakan terbantut dalam tempoh masa tersebut. Kemudiannya, hasil eksport kayu balak kembali pulih setelah tamatnya perang. Pada tahun 1920, syarikat *British Borneo Timber Company* telah ditubuhkan bagi tujuan monopoli hasil kayu balak di Borneo Utara. Syarikat ini dibentuk hasil daripada suntikan modal oleh *Harrison and Crossfield*, iaitu sebanyak 1 juta Pound Sterling. Syarikat *British Borneo Timber Company* telah diberi tempoh selama 25 tahun untuk menjalankan kegiatan pembalakan dan pengeksportan hasil kayu balak di Borneo Utara.⁹⁴ Kesannya, berlaku peningkatan aktiviti pembalakan di Borneo Utara dengan sokongan banyak perkhidmatan kapal wap dan membawa kepada perubahan besar dalam pembangunan bandar utama di Borneo Utara dalam tempoh tahun 1883 hingga 1941.

Kesimpulan

Fungsi syarikat kapal wap banyak membantu perkembangan pembangunan ekonomi setiap bandar utama di Borneo Utara dari tahun 1883 hingga 1941. Kemasukan syarikat kapal wap dalam jumlah yang besar di Borneo Utara sangat signifikan terhadap perubahan positif dalam bidang ekonomi dan perkhidmatan eksport dan import Borneo Utara untuk menjadi salah satu hub perdagangan antarabangsa yang paling maju. Borneo Utara mampu menyaangi tanah jajahan kolonial lain, seperti Batavia, Singapura, Siam, Burma dan India dalam bidang perkapalan. Dengan kemasukan syarikat kapal wap membawa perubahan ekonomi baharu di Borneo Utara. Ekonomi secara komersial, seperti peladangan, perlombongan, dan perkapalan menjadi dominan di

⁹² *Ibid.*

⁹³ Ross Ibbotson, *The History of Logging in North Borneo*, Kota Kinabalu: OPUS Publications Sdn. Bhd., 2014, hlm.55.

⁹⁴ *Ibid.*

Borneo Utara. Perubahan ekonomi telah mewujudkan sistem kewangan yang moden, seperti matawang, perbankan dan insuran di Borneo Utara.

Rujukan

- British North Borneo Herald.* 9 Mei 1883.
- British North Borneo Herald.* 24 Januari 1884.
- British North Borneo Herald.* 13 Ogos 1884.
- British North Borneo Herald.* 18 Disember 1884.
- British North Borneo Herald.* 1 Januari 1885.
- British North Borneo Herald.* 6 Januari 1885.
- British North Borneo Herald.* 15 Januari 1885.
- British North Borneo Herald.* 16 Mei 1885.
- British North Borneo Herald.* 7 Ogos 1885.
- British North Borneo Herald.* 15 Oktober 1885.
- British North Borneo Herald.* 12 Disember 1885.
- British North Borneo Herald.* 15 Februari 1886.
- British North Borneo Herald.* 22 Februari 1886.
- British North Borneo Herald.* 19 Oktober 1886.
- British North Borneo Herald.* 1 Januari 1887.
- British North Borneo Herald.* 22 Mac 1887.
- British North Borneo Herald.* 3 Ogos 1887.
- British North Borneo Herald.* 1 September 1887.
- British North Borneo Herald.* 1 Februari 1888.
- British North Borneo Herald.* 24 Mac 1889.
- British North Borneo Herald.* 1 April 1889.
- British North Borneo Herald.* 10 Julai 1889.
- British North Borneo Herald.* 1 September 1889.
- British North Borneo Herald.* 16 Februari 1890.
- British North Borneo Herald.* 23 Jun 1890.
- British North Borneo Herald.* 2 Mac 1891.
- British North Borneo Herald.* 12 November 1891.
- British North Borneo Herald.* 15 Januari 1892.
- British North Borneo Herald.* 24 September 1892.
- British North Borneo Herald.* 14 April 1893.
- British North Borneo Herald.* 3 Jun 1893.
- British North Borneo Herald.* 10 September 1894.
- British North Borneo Herald.* 28 Julai 1895.
- British North Borneo Herald.* 8 September 1900.
- British North Borneo Herald.* 10 November 1901.
- British North Borneo Herald.* 6 Februari 1906.
- British North Borneo Herald.* 13 Mac 1906.
- British North Borneo Herald.* 15 Jun 1906.

- British North Borneo Herald.* 9 Mei 1907.
- British North Borneo Herald.* 1 Januari 1908.
- British North Borneo Herald.* 23 November 1908.
- British North Borneo Herald.* 23 Mei 1909.
- British North Borneo Herald.* 15 Mei 1910.
- British North Borneo Herald.* 14 Disember 1910.
- British North Borneo Herald.* 13 April 1911.
- British North Borneo Herald.* 20 Jun 1911.
- British North Borneo Herald.* 11 Oktober 1920.
- British North Borneo Herald.* 20 April 1926.
- British North Borneo Herald.* 24 Februari 1930.
- British North Borneo Herald.* 22 Januari 1931.
- British North Borneo Herald.* 1 Januari 1940.
- British North Borneo Herald.* 2 Januari 1941.
- British North Borneo Herald.* 3 Januari 1941.
- British North Borneo Herald.* 15 Januari 1941.
- Colony of North Borneo Annual Report,* 1900.
- Handbook of British North Borneo,* 1890.
- Chin, C. C. 1991. *Paper Currencies of the Straits Settlements, Malaya, British North Borneo, Sarawak and Brunei.* Singapura: Taisei Stamps & Coins.
- Heyward, N. 1963. *Sarawak, Brunei & North Borneo.* Cambridge: Cambridge University Press.
- Hutchison, C. S. 2005. *Geology of North-west Borneo: Sarawak, Brunei and Sabah.* Amsterdam: Elsevier.
- Ibbotson, R. 2014. *The History of Logging in North Borneo.* Kota Kinabalu: OPUS Publications Sdn. Bhd.
- Kratoska, P. H. 2001. *South East Asia, Colonial History: High Imperialism (1890s-1930s).* United Kingdom: Taylor & Francis.
- Lawson, W. 1991. *Shipping Business in British Empire.* Cambridge: Cambridge University Press.
- Meyer, M. W. 1997. *Southeast Asia: A Concise History.* Maryland: Rowman & Littlefield.
- Norbert, J. 2002. *Engines of Empire: Steam Shipping and State Formation in Colonial Southeast Asia.* United Kingdom: Routledge.
- Ross, M. L. 2001. *Timber Booms and Institutional Breakdown in Southeast Asia.* Cambridge: Cambridge University Press.
- Sullivan, A. & Leong, C. 1981. *Commemorative History of Sabah, 1881-1981.* Kota Kinabalu: Sabah State Government.
- Sunderland, D. 2017. *British Economic Development in South East Asia, 1880-1939.* Volume 3. United Kingdom: Routledge.